

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَمَّا بَعْدُ ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Dalam tempoh 1 bulan sahaja, sebanyak 3 kes kemalangan maut dengan 2 daripadanya berlaku di jalan utama Universiti Malaysia Pahang dan yang paling menyedihkan mangsa kemalangan tersebut terdiri daripada pelajar UMP sendiri. Minbar ingin melahirkan rasa sedih dan dukacita di atas insiden ini dan menyeru kepada warga UMP agar bersama-sama menjaga keselamatan diri dan orang lain.

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai jumlah pendaftaran kenderaan yang tertinggi di dunia dengan kira-kira 700,000 kenderaan baharu setiap tahun. Pembinaan jalan raya di sini tidak dapat bersaing dengan pertumbuhan yang pesat ini.

Pada waktu inilah jumlah pengguna di jalan raya akan meningkat. Ingatlah kepulangan kita dinanti-nanti bukan ditangisi. Oleh itu, pandulah kenderaan dengan berhemah.

Namun begitu, sikap segelintir pengguna kenderaan yang tidak berdisiplin boleh membawa kepada bencana kemalangan. Hal ini bukan perkara yang boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan soal nyawa dan kehilangan harta benda. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Yang bermaksud: *...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.*

Salah satu penyumbang kematian tertinggi di negara ini adalah kemalangan maut yang berlaku di jalan raya. Saban hari, ada sahaja kes kematian dilaporkan. Di negara kita, secara puratanya seramai 18 orang maut setiap hari akibat kemalangan jalan raya merangkumi penunggang dan pembonceng motosikal, pemandu dan penumpang kereta, pejalan kaki dan sebagainya.

Jika kita renung secara mendalam, ia merupakan suatu kerugian yang amat besar kepada warga kampus, masyarakat dan negara kerana yang maut dalam kemalangan jalan raya ini antara lain adalah pelajar, guru, ahli perniagaan, ahli profesional dan sebagainya.

Kemalangan jalan raya juga menyebabkan ramai anak kecil menjadi yatim piatu serta kehilangan tempat bergantung. Kematian secara mengejut ini memberi kesan yang sangat besar kepada emosi ahli keluarga. Golongan isteri yang kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya terpaksa menjadi ibu tunggal dan membesarkan anak-anak yang ramai secara sendirian.

Benarlah, ajal maut adalah kehendak Allah Subhanahu wa Taala dan kemalangan jalan raya merupakan takdir-Nya. Namun, umat Islam tidak wajar menyalahkan takdir, sebaliknya berusaha mengambil langkah-langkah terbaik bagi mengelakkan kemalangan daripada berlaku.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Islam melarang kita berjalan dengan angkuh dan sombong atas muka bumi kerana ia merupakan suatu sifat yang tercela. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 37:

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا ﴿٣٧﴾

Yang bermaksud: *dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong, kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung.*

Begitu jugalah keadaannya dengan menaiki kenderaan. Kita dilarang menunggang atau memandu kenderaan dalam keadaan yang angkuh. Maksudnya di sini, kita hendaklah menghormati pengguna jalan raya yang lain, bukannya menganggap jalan raya milik kita seorang dengan memandu laju seperti orang gila, melanggar peraturan sesuka hati serta memotong barisan sewenang-wenangnya.

Pelanggaran peraturan jalan raya seperti memotong di garisan berkembar, memandu laju, melawan arus dan melanggar lampu isyarat merah dan merempit boleh mengundang kecelakaan, bukan sahaja pada dirinya malah juga kepada orang lain yang tidak bersalah. Jangan sampai kelalaian dan sikap buruk kita menjadi punca kepada malapetaka yang menyebabkan orang lain terbunuh atau cedera. Cukuplah beberapa kemalangan yang berlaku seperti sekumpulan anak muda menunggang basikal maut dirempuh serta kemalangan maut akibat mabuk memandu melawan arus menjadi iktibar buat kita semua.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ

Yang bermaksud: *“Setiap orang muslim ke atas orang muslim haram (terpelihara) darah, harta dan kehormatannya.”*

Kita diharam menumpahkan darah dan mengambil harta orang lain, disebabkan kebiadaban kita di jalan raya. Kecelakaan di jalan raya dapat dielak atau setidak-tidaknya dapat dikurangkan dengan cara kita berhati-hati, berdisiplin dan mematuhi peraturan ketika memandu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Minbar mengajak sidang jumaat sekalian mengikut saranan dan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan jalan raya. Pelbagai inisiatif telah dirangka dalam usaha membasmi kecelakaan. Inisiatif tersebut mencakupi:

- Sentiasa mematuhi peraturan jalan raya.
- Memandu tanpa melebihi had laju yang dibenarkan. Had laju dibenarkan adalah 35 km/j di UMP Gambang manakala 40 km/j bagi UMP Pekan.
- Memandu dengan berhati-hati ketika waktu hujan.
- Sentiasa peka dengan keadaan luar jangka seperti faktor haiwan ternakan yang berkeliaran terutama di laluan menuju UMP Pekan dan juga laluan utama hotspot di

persimpangan keluar UMP Gambang & Pekan berhadapan Pos Pengawal.

- Memandu dengan berhemah dan memperlahankan kenderaan di kawasan zebra crossing.
- Elakkan daripada mengekori kenderaan lain terlalu rapat.
- Patuhi garis panduan keselamatan semasa memotong.
- Tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu kereta atau menunggang motosikal.
- Sentiasa memberi keutamaan kepada pejalan kaki dan penunggang basikal apabila berada di dalam kawasan universiti.

Semoga dengan usaha ini diharapkan dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan dalam kalangan pelajar UMP pada masa akan datang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sebagai mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita bersama-sama mengelakkan diri daripada perkara yang boleh membahayakan keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain. Mudah-mudahan kita masih berpeluang bersama keluarga yang tersayang dalam keberkatan. Amalkan sikap berhemah dan jangan sesekali lupa membaca doa setiap kali ingin memulakan perjalanan semoga perjalanan tersebut diberkati dan keselamatan kita dipelihara oleh Allah Subhanahu wa Taala.

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُّقْرِنِينَ ﴿١٣﴾
وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: *Maha suci Tuhan yang telah menundukkan semua ini bagi kami padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya, dan Sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.